

DEB bukan penghalang

UMI 23 JAN 1982

SHAH ALAM 22 Jan. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak dakwaan bahawa Dasar Ekonomi Baru menjadi penghalang kepada pertumbuhan dan kemajuan sektor swasta di negara ini.

Perdana Menteri berkata hakikat bahawa banyak syarikat di negara ini berkembang maju hingga menjadi badan-badan raksaksa membuktikan dakwaan itu suatu dusta yang sengaja disebarkan oleh sesetengah pihak.

Beliau juga menarik perhatian kejayaan negara dalam bidang industri berat bukan saja bergantung kepada wujudnya tenaga pekerja terlatih dan mahir tetapi juga kepada kesanggupan para pekerja bekerja dalam keadaan yang kurang selesa.

Katanya, para pekerja perlu menerima hakikat ini dan tidak boleh mengharap keadaan bekerja yang selesa sama seperti yang terdapat dalam industri ringan.

Perdana Menteri telah berucap merasmikan Pusat Latihan United Motor Works (UMW), di sini pagi ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian: Tidak ada negara dalam dunia yang tidak mengenakan peraturan tertentu dalam kegiatan ekonominya.

Beliau menambah, tetapi sekalipun terdapat peraturan seperti itu kegiatan ekonomi negara berkenaan tetap tumbuh dan berkembang.

"Di Malaysia, peraturan sedemikian terkandung dalam DEB dan terbukti ia tidak menghalang pertumbuhan dan perkembangan ekonomi.

"Syarikat-syarikat di negara ini terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan sekalipun mereka berfungsi sejajar dengan DEB," tegasnya.

Perdana Menteri berkata, ciri terpenting menjamin kejayaan sesebuah syarikat ialah kecekapan pengurusan.

"DEB tidak boleh dijadikan alasan sebagai penghalang perkembangan syarikat berkenaan," ujarnya.

Dalam hubungan ini beliau memuji UMW kerana bukan saja terus berkembang maju tetapi senantiasa patuh pada DEB, terutamanya dari segi pemilikan saham, pengambilan pekerja dan sebagainya.

Mengenai pekerja mahir, beliau berkata, tenaga mereka amat diperlukan memandangkan negara sekarang sedang bergerak menuju ke bidang perindustrian, khususnya industri berat.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, proses mendedahkan mereka tidak boleh dilengah-lengahkan lagi dan salah satu langkah segera mencapai matlamat tersebut ialah menerusi latihan.

"Kemahiran dapat diwujudkan menerusi pengalaman, tetapi proses ini akan mengambil masa yang lama sedangkan ia boleh dipercepatkan melalui latihan," katanya.

Sehubungan dengan ini, beliau menekankan perlunya setiap syarikat

di negara ini mengadakan rancangan latihannya, bukan sahaja untuk para pekerja syarikat, berkenaan tetapi juga untuk tenaga pekerja dari sektor lain demi memenuhi keperluan negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan menyambut baik sebarang usaha mengadakan kemudahan latihan kerana usaha sedemikian merupakan sumbangan kepada usaha nasional.

Beliau berharap, rancangan-rancangan latihan kemahiran yang dijalankan akan dapat menghapuskan pengangguran kaum dari segi kemahiran seperti yang wujud sekarang di mana bumiputera masih ketinggalan.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Hormat Rafie, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Richard Ho dan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Datuk Sammy Vellu.